

18 JUL 1998

PM LAWAT KELANTAN 22 OGOS DEPAN

KOTA BAHARU, 18 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan lawatan kerja sehari ke Kelantan pada 22 Ogos depan.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa berkata turut sama dalam lawatan itu isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Perdana Menteri akan menghadiri taklimat khas mengenai ternakan ikan hiasan dan penanaman orkid untuk dieksport di bawah program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) di Kuala Krai, kira-kira 75 kilometer dari sini.

Kemudian, Perdana Menteri akan melancarkan empat program iaitu Pondok Pos Komuniti, jambatan Haji Ali, telaga tiub dan Gerakan Desa Wawasan (GDS) fasa ketiga, di Kampung Chengal, Ketereh, kira-kira 19 km dari sini.

Dr Siti Hasmah, yang mempunyai program lawatan berasingan, akan merasmikan Projek 1,001 Gelanggang di Sekolah Kebangsaan Ketereh.

Pada sebelah petang, Dr Mahathir yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, akan mengadakan perjumpaan tertutup dengan pemimpin UMNO negeri di Dewan UMNO negeri, sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur pada kira-kira pukul 5 petang.

Annuar memberitahu pemberita selepas mengadakan mesyuarat dengan ketua-ketua jabatan di bilik mesyuarat Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) di sini, hari ini.

-- BERNAMA

MNR oba